

Oleh Saiful Bahri
Kamaruddin
bhvarsiti@bh.com.my

Bangi

A lunan merdu piano dipersembahkan Tunku Zain Al-'Abidin yang juga anakanda Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir berjaya menyerikan Konsert Diraja UKM 2015 yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), baru-baru ini.

Dalam konsert yang dipentaskan bersempena dengan Hari Keputeraan Ke-67 Tuanku Muhriz yang juga Canselor UKM itu, Tunku Zain mempersembahkan rangkaian lagu Allahyarham Tan Sri P Ramlee sambil diiringi Kumpulan Orkestra UKM.

Selama dua jam, hadirin dihiburkan dengan persembahan orkestra yang menggabungkan lebih 66 ahli muzik terdiri daripada kakitangan, pelajar serta alumni UKM yang mana muzik setiap lagu digubah semula tokoh dan penggubal muzik terkenal, Datuk Dr Johari Salleh.

Persembahan disertai kumpulan tarian ARTISUKMA, kumpulan PERMATAPINTAR UKM, nyanyian artis undangan, Noryn Aziz dan Nassier Wahab selain pelajar dan kakitangan UKM.

Tanda penghargaan

Noryn mendendangkan lagu Legenda, Hey Jude dan Greatest Love of All manakala Nassier mempersembahkan lagu Memori Cita Luka, Spanish Eyes dan Gadis Kota.

Kumpulan PERMATAPINTAR pula tidak kurang hebatnya dengan lagu Putera Puteri dan Setia Malaysia selain nyanyian pelajar UKM, Nurul Syafiq Hambali dan

Mohd Rais Ariffin masing-masing dengan lagu Songkok Miring dan All Of Me.

Konsert bersejarah itu diakhiri dengan persembahan penutup rangkaian lagu-lagu Beatles oleh gabungan orkestra dan tarian moden oleh kumpulan tarian UKM.

Sebelum pementasan bermula, Tuanku Muhriz memencar duli memotong kek ulang tahun dan berkenan menerima cenderamata khas.

Dalam ucapannya, Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuanku Muhriz bersempena dengan hari keputeraan baginda.

Konsert Diraja rai Canselor UKM

Katanya, konsert berkenaan dipersembahkan sebagai tanda terima kasih serta penghargaan seluruh warga kampus kepada Tuanku Muhriz dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Persembahan
tarian kumpulan
ARTISUKMA.



Tiupan trompet mengasyikkan oleh dua ahli kumpulan orkestra UKM.



Kumpulan orkestra UKM di bawah pimpinan Johari.